

## IMEJ KOTA DALAM SASTRA OKSIDENTALISME DI MALAYSIA

Mohamad Saleeh bin Rahamad  
Jabatan Pengajian Media  
Universiti Malaya  
saleeh@um.edu.my

### ABSTRACT

*This study focuses on the images of the city in Malaysia's literature, based on the postcolonial criticism perspective. It explores the question whether the city can be assumed as the evil element that needs to be fought because it creates the images of modernity influenced by the West. The texts chosen to be analyzed are limited only to novels in the 20s and 30s, when Tanah Melayu (the name before Malaysia is formed) was under the British colonialism. The findings suggest that the images of the city in the Occidentalism texts were not viewed as dichotomous since the authors also did not escape from being ambivalent.*

*Keywords: postcolonial, occidentalism, ambivalence, world view*

### PENDAHULUAN

Makalah ini akan menganalisis novel-novel berwacana oksidentalisme yang mencitrakan kota, berdasarkan perspektif kritikan pascakolonial. Kota menjadi ikon pengaruh Barat kerana penyebaran nilai Barat lebih berleluasa di kota, sehingga imejnya disamakan dengan unsur kejahatan. Di kota, wujud ragam manusia yang sudah terbebas daripada pengaruh lingkungan masyarakat tradisional. Manusianya membuat pertimbangan tentang kehidupan berasaskan perspektif Barat. Pergaulan bebas, kebebasan berpakaian, dan maksiat sering dianggap sebagai ciri khas kehidupan manusia kota. Sebagai makalah yang terbatas ruangnya, perbincangan ini hanya dalam bentuk cetusan penemuan dan wajar disambut oleh peneliti lain dalam skala yang lebih luas. Teks yang akan dilihat terbatas pada beberapa novel yang lahir pada dekad 20-an dan 30-an, ketika Tanah Melayu masih dikuasai oleh British, sama ada langsung mahupun tidak langsung.

### TEORI DAN METODE PENELITIAN

#### OKSIDENTALISME: WACANA YANG TERBUKA

Oksidentalisme merupakan satu topik utama dalam kajian pascakolonial.<sup>1</sup> Kajian tentang topik ini telah banyak dilakukan di Barat, tetapi di Malaysia jumlahnya masih sedikit.<sup>2</sup> Istilah oksidentalime berasal daripada perkataan Perancis, *occident*, yang secara harfiah bermakna “Barat”, secara geografis bermakna “dunia belahan Barat”, dan secara etnologis bermakna “bangsa-bangsa di Barat”. Perkataan *occidental* bermakna hal yang berkaitan dengan dunia “Barat”, iaitu bangsa dan lingkungannya (Joesoef

---

<sup>1</sup> Untuk penjelasan lanjut lihat Mohamad Saleeh Rahamad (2007).

<sup>2</sup> Antara pengkaji luar yang memperkatakan topik oksidentalisme ialah Hassan Hanafi (2000), Lily Rose Tope (1996), Umeeta Sadarangani (1997), Mark Robert Harris (1998), Ira Robert Bashkow (1999), Claire A. Conceison (2000), Wendy Joan Eberle-Sinatra (2000), Xiaomei Chen (2000), Najde al-Ali (2000), Patrick Thaddeus Jackson (2001), Ian Buruma dan Avishai Margalit (2004), dan Dini Masitah (2005). Kajian bagi sastera oksidentalisme di Malaysia telah dilakukan antaranya oleh Ungku Maimunah Mohd. Tahir (2005) dan Kamaruddin Mohd. Said (2005), Hafiz Arif (1990), Mohamad Daud Mohamad (1991), Harry Avelling (1992), Monique Zaini-Lajoubert (1993), Jeniri Amir (2000), Jelani Harun (2002), Sohaimi Abdul Aziz (2003), Monique Zaini-Lajoubert (2004), Mohamad Saleeh Rahamad (2005), dan Salasiah Abd. Wahab (2007).

Sou'yb, 1995: 1). Secara umum, oksidentalisme belum mempunyai ciri yang diskursif dan takrifnya masih relatif, bergantung pada situasi yang melahirkannya, atau sekurang-kurangnya tidak seperti konsep Orientalisme yang dirumuskan oleh Edward Said (Shamsul Amri Baharuddin, 2004; A. Murad Merican, 2009). Oksidentalisme hanya bergerak di peringkat domestik dan pada praktiknya masih bersifat neutral. Wacana oksidentalisme lazimnya menyentuh soal politik dan budaya, dan coraknya dipengaruhi oleh situasi politik atau corak pentadbiran negara. Pengarang lazimnya akan menghasilkan karya dalam kesesuaian iklim politiknya, sama ada berkecenderungan menurut jalur arus perdana mahupun melakukan penentangan.

Oksidentalisme mendapat tanggapan yang pelbagai daripada pengkaji. Satu kelompok menanggapinya sebagai suatu ruang persepsi yang terbuka (Hassan Hanafi, 2000; Umeeta Sadarangani, 1997; Xiaomei Chen, 2002; Dini Masitah, 2005; Shamsul Amri Baharuddin, 2004; A. Murad Merican, 2009), manakala satu kelompok lagi menanggapinya sebagai suatu konsep yang *discursive* (Najde al-Ali, 2000; Buruma dan Margalit, 2004).

Bagi kelompok pertama, oksidentalisme bukannya lawan kepada Orientalisme kerana sifatnya yang terbuka dan tidak bertujuan mendominasi Barat sebagai wacana Orientalisme yang bertujuan mendominasi Timur. Bagi mereka, oksidentalisme lebih neutral dan mungkin bersikap pro-Barat pada sesetengah keadaan berdasarkan tujuan penulisan karya oleh pengarang yang berbeza.

Bagi kelompok kedua pula, oksidentalisme dilihat sebagai wacana yang *discursive*, yakni membuat dikotomi antara Barat dengan Timur. Najde al-Ali (2000) menyifatkan oksidentalisme seperti Orientalisme, yakni sebahagian daripada helah politik yang berorientasikan kuasa. Demikian juga tanggapan oleh Ian Buruma dan Avishai Margalit (2004: 5), yang menyatakan oksidentalisme ialah segugus imej dan *idea* tentang Barat (Amerika) dalam fikiran "musuh" yang membencinya, "*The dehumanizing picture of the West painted by its enemies is what we have called Occidentalism.*" Hasil daripada kajian rambang yang dilakukan oleh Ian Buruma dan Avishai Margalit (2004) terhadap oksidentalisme oleh orang Jerman, Jepun, China, dan negara-negara Islam, mereka merumuskan wacana oksidentalisme sebagai bersifat *discursive*, iaitu mempunyai nilai yang tetap dan ideologikal dengan menggalurkan empat ciri:

*...we have identified particular strands of Occidentalism that can be seen in all periods and all places where the phenomenon has occurred. These strands are linked, of course, to form a chain of hostility—hostility to the City, with its image of rootless, arrogant, greedy, decadent, frivolous cosmopolitanism; to the mind of the West, manifested in science and reason; to the settled bourgeois, whose existence is the antithesis of the sel-sacrificing hero; and to the infidel, who must be crushed to make way for a world of pure faith* (Ian Buruma dan Avishai Margalit 2004: 11).

Salah satu daripada ciri oksidentalisme yang dirumuskan oleh Buruma dan Margalit ialah imej buruk kota yang disejajarkan dengan Barat atau pengaruh Amerika Syarikat. Kota dilihat sebagai simbol kejahatan dan keangkuhan; tempat wujudnya kebencian para pemberontakan antiliberal, perdagangan, percampuran penduduk, kebebasan seks, keghairahan saintifik, kemewahan, individualistik, kekayaan dan kuasa. Timur, khususnya, melihat kota sebagai pusat berhimpunnya nilai hedonisme bawaan Barat lalu dimusuhi.

Berdasarkan pandangan Buruma dan Margalit itu, makalah ini akan melihat karya sastera oksidentalisme di Malaysia pada periode awal perkembangan sastera modernnya, iaitu dalam dekad 20-an hingga 40-an. Penelitian ini relevan dalam konteks kajian pascakolonial kerana dapat memperlihatkan tanggapan pengarang sastera Melayu

terhadap Barat dalam era kolonialisme. Bernaung di bawah pentadbiran British, pengarang Melayu akan berhadapan dengan konflik dalaman antara menerima pengaruh Barat yang diwarnai nilai moderniti dengan tasawur Islami dan budaya kemelayuan yang menjadi anutan mereka.

## PEMBAHASAN

### IMEJ KOTA DALAM SASTRA DEKAD 20-AN DAN 30-AN

Sastera moden menyusupi sejarah sastera di Tanah Melayu pada penghujung abad ke-19, tetapi hanya pada awal abad ke-20 barulah lahir *genre* sastera yang lebih sempurna.<sup>3</sup> *Genre* novel hanya dapat diiktiraf kemunculannya pada tahun 1925-26 melalui *Hikayat Setia Asyik kepada Maksiuknya* atau *Faridah Hanom* oleh Syed Sheikh al-Hadi. Dekad 20-an disifatkan sebagai era *literary renaissance* (Mohd. Taib Osman, 1986: 44), hasil daripada kegiatan cendekiawan agama yang baru pulang dari Timur Tengah dan terdedah kepada pengaruh sastera moden dari Perancis. Dalam dekad 20-an ini, sekurang-kurangnya dua novel yang mengaitkan oksidentalisme dengan urbanisasi, iaitu *Iakah Salmah?* (Ahmad Rashid Talu, 1928-1929 dalam tujuh penggal) dan *Mencari Isteri* (Muhamad Yusuf Ahmad, 1928-1929). Ahmad Rashid Talu dan Muhamad Yusuf tergolong sebagai pendukung *idea* pembaharuan gerakan Kaum Muda<sup>4</sup> yang mengangkat idealisme modernisasi yang berakar daripada kesedaran ekonomi dan sosial.

Dengan aliran pemikiran Kaum Muda (atau disebut juga “Islah”) yang dianuti oleh mereka, pencitraan bandar yang dibentuk oleh modeniti Barat juga telah dipositifkan. Kedua-dua novel ini mengangkat latar bandar sebagai tempat terhimpunnya nilai Barat, dan di situlah terhimpunnya nilai kemajuan yang diparadigmakan sebagai arus yang perlu diikuti oleh masyarakat Melayu. Pada era itu, tumpuan pengarang adalah pada bidang ekonomi dan sosial kerana masyarakat Melayu sedang berhadapan dengan permasalahan tersebut. Persoalan politik tidak diberi perhatian kerana British telah mewujudkan kawalan dari segi undang-undang, peraturan, dan tekanan politik bagi mengekang gerakan antikolonial. Pada masa yang sama, pengarang juga tidak berasa perlu untuk menyuarakan sikap politik antikolonial mereka kerana wujudnya hubungan baik dengan kuasa British yang memerintah Negeri-Negeri Selat (Melaka, Singapura dan Pulau Pinang).

Ahmad Rashid Talu menghasilkan novelnya *Iakah Salmah?* di Pulau Pinang yang ketika itu berada di bawah pentadbiran British. Pulau Pinang yang menjadi latar naratif dan tempat novel itu dihasilkan merupakan kota kosmopolitan yang menyediakan suasana sosial sinkretik, antara budaya asing dengan budaya tempatan kerana pada zaman itu Pulau Pinang diperintah oleh British. Pemerintahan British tentu

---

<sup>3</sup> Pada penghujung abad ke-19 persuratan Melayu moden didominasi *genre* biografi dan autobiografi seperti *Hikayat Nakhoda Muda*, *Hikayat Pelayaran Abdullah* dan *Hikayat Abdullah*, *Adat Raja-Raja Melayu*, *Hikayat Perintah Negeri Benggala*, *Syair Dagang Berjual Beli*, *Surat Keterangan Syeikh Jalaluddin*, *Tarikh Datu’ Bentara Luar Johor*, *Hikayat Johor dan Tawarikh al-Marhum Sultan Abu Bakar*. Novel Melayu pertama hanya muncul pada tahun 1876, iaitu *Hikayat Panglima Nikosa*, tetapi bentuknya masih belum sempurna dari segi kepanjangannya.

<sup>4</sup> Gerakan Kaum Muda di Tanah Melayu memperjuangkan *idea* reformasi untuk umat Islam di Tanah Melayu di samping mengaplikasikan nilai Barat yang sesuai untuk umat Islam. Label Kaum Muda diberikan sebagai satu bentuk sindiran kepada golongan tersebut kerana perbezaan fahaman mereka daripada fahaman ulama tradisional. Antara tokoh yang mempelopori gerakan itu di Tanah Melayu ialah Syeikh Tahir Jalaluddin, Syeikh Mohamad Salim al-Kalali, Syed Syeikh al-Hadi, dan Haji Mohd Abas Taha (Roff, 2003:66; Abdul Rahman Ahmadi, 1987:53; Siti Rodziah Nyan, 2009:25-30). Tokoh-tokoh ilmuwan ini bergerak di Singapura dan Pulau Pinang yang ditadbir oleh British dalam lingkungan Negeri-Negeri Selat. Golongan cendekiawan agama ini telah menerima pengaruh modeniti Inggeris dan Perancis yang telah diubahsuai dengan *idea* Islami oleh reformis terkenal di Mesir dalam Abad 19, iaitu Jamaluddin al-Afghani, Muhammad Abduh, dan Mohd. Rashid Ridha.

sahaja turut menyebarkan budaya Barat sebagai suatu bentuk hegemoni, dan sebagai kota kosmopolitan pelbagai bangsa bertumpu ke kota itu.

Berkarya dalam zaman pemerintahan British, di tengah-tengah budaya sinkretik, dan semasa bersemaraknya perkembangan *idea* reformasi Islam moden, Ahmad Rashid Talu berada dalam situasi *ambivalence* lalu menghasilkan wacana mimikri dan hibrid apabila mengabsahkan gabungan budaya Barat dengan budaya Melayu Islam. Sebagai contoh, gambaran dunia hibrid itu ditampilkan dengan cara penggunaan nama berbau Inggeris dalam deskripsi latarnya:

Apabila habis ia berpesan lalu ianya keluar membeli barang-barang yang dipinta oleh abang iparnya di Perlis itu. Setelah selesai dibelinya semua lalu ia pergi ke kedai seorang sahabatnya, dibungkusnya barang itu lalu dikirimkan ke Perlis dengan wasilah Pejabat Pos. Apa bila ia keluar daripada Post Office teringatlah ia hendak pergi ke gudang membeli sapatangan. Oleh itu teruslah ia pergi ke kedai Whiteaway Laidlaw membelinya (Ahmad Rashid Talu, 1975: 35).

Penyebutan nama "*Post Office*" (padahal kali pertama disebut perkataan pejabat pos) dan "*Whiteaway Laidlaw*" dalam petikan ini dan termasuk di tempat lain seperti "*Keramat Road*", "*Penang Road*", "*Malay Street*" dan "*Market Chowrasta*" seolah-olah disengajakan bagi menggambarkan budaya hibrid dalam masyarakat di Pulau Pinang. Keintiman masyarakat dengan nama-nama Inggeris merupakan gambaran hibriditi yang terhasil daripada hegemoni budaya oleh Inggeris dan kemudian diterima secara rela. Paparan mimikri dan hibriditi ini dilanjutkan dengan deskripsi watak sampingannya (Ahmad Rashid Talu, 1975: 35), "...Maka nampaklah olehnya orang yang bercakap itu daripada sebuah cermin besar yang ada tiada berapa jauh di hadapannya, seorang memakai cara Melayu jati, seorang memakai aturan Eropah, tetapi topinya topi Melayu." Dalam realiti masyarakat waktu itu, tiada paksaan dikenakan oleh Inggeris untuk menggunakan nama Inggeris atau memakai pakaian Eropah, malahan pengarang juga tidak terasa terpaksa untuk menggunakannya. Di sini terlihat unsur *ambivalence* antara menerima unsur Inggeris atau unsur Melayu.

Bukan sahaja dalam imej hibrid, malahan budaya yang menular dalam masyarakat Melayu Pulau Pinang ialah budaya sinkretik akibat daripada pertembungan budaya dominan di kota kosmopolitan itu. Gambaran itu terlukis pada watak Encik Hussain yang dikatakan, "turun dari tangga klas satu, berpakaian cara Eropah, bersongkok cara Turki" (Ahmad Rashid Talu, 1975: 73). Perincian pakaian watak tersebut yang menggabungkan cara berpakaian Eropah dan Melayu serta Turki, diprojektikan sebagai gambaran sikap *ambivalence* dalam diri manusia Pulau Pinang. Ketiadaan sebarang komen penilaian pada cara pemakaian itu pula menunjukkan penerimaan pengarangnya terhadap budaya sinkretik.

Dari segi strategi naratif, nilai yang dibawa oleh watak wira dan wirawatnya mencerminkan idealisme pengarangnya. Demikianlah yang diperlihatkan melalui watak Salmah yang telah mencampuradukkan budaya dan idea Barat dengan budaya Melayu dan Islam. Salmah yang berdampingan dengan budaya Inggeris, kuasa pentadbir di negerinya, membentuk persona manusia *comprador*, atau dalam perspektif Fanon (1986), perlakuan peribumi sebegitu dilabelkannya sebagai kulit hitam topeng putih (*black skin, white mask*). Imej watak *comprador* ini, misalnya, dipaparkan dalam penampilan Salmah semasa menaiki beca yang tidak bertutup. Perbuatan ini bertentangan dengan norma masyarakat pada zaman itu. Perbuatan Salmah ini menandakan keberaniannya melanggar adab sosial ketika itu. Liberalisasi pemikiran yang dianuti oleh Salmah ditiru daripada budaya Barat yang tidak menghalang wanita berada di tengah khalayak tanpa teman.

Penerimaan nilai Inggeris telah diungkapkan secara berulang kali dan meneguhkan paradigma yang ingin disampaikan oleh pengarang. Dalam menyampaikan

persepsinya terhadap British, Salmah bercakap secara berkhotbah, “Oleh itu sepatutnya sekali, bangsa kita janganlah dengan mudah sahaja menghilangkan jasa dan usaha daulat *government* Inggeris yang menaungi akan kita.. .”(Ahmad Rashid Talu, 1975: 106)

Di samping itu, sistem pendidikan Inggeris sengaja dipuji berkali-kali sebagai tanda aras pencapaian hidup watak protagonisnya. Salmah, Abu Bakar, dan Shamsiah, misalnya, mempunyai kelulusan di sekolah Inggeris, dan merekalah yang menjadi suri teladan dalam naratif ini. Penerimaan nilai Barat oleh kelas elit ini ditandai juga oleh makanan mereka, iaitu “roti biskut Eropah” (Ahmad Rashid Talu, 1975: 99). Walaupun dalam skala yang kecil, penyebutan nama makanan Eropah ini menjadi citra oksidentalisme yang bercorak penerimaan nilai. Paparan ini menjelaskan bahawa budaya Barat di kota mendapat sanjungan daripada pengarang.

Sanjungan yang melampau terhadap jasa Inggeris mentamadunkan bangsa Melayu adalah selari dengan pandangan Orientalisme. Apabila Salmah mengatakan bahawa tanpa Inggeris, mungkin negerinya “menjadi hutan rimba semak belukar” dan penduduknya kekal menjadi “bangsa-bangsa yang masih jauh daripada pengetahuan dan jauh daripada mata dan tilikan mereka yang sopan, yaitu seperti bangsa-bangsa Sakai, Semang serta Jakun...” (Ahmad Rashid Talu, 1975: 126), nyatalah wujud persamaan dengan wacana Orientalisme (Said, 2001: 9).

Penerimaan terhadap corak pentadbiran British itu didorong oleh keinginannya untuk memperbaiki kehidupan orang Melayu (Ahmad Rashid Talu, 1975: 113–115). Sebagai anak jajahan yang terpaksa akur pada situasi zaman yang dipengaruhi oleh kuasa kolonial, Ahmad Rashid Talu tidak dapat mengelak daripada menjadikan pentadbiran British sebagai kuasa yang disanjung. Tujuan pokok pengarang *Iakah Salmah?* adalah untuk menyampaikan idea aliran Islah bagi memajukan bangsanya yang masih terkepung dalam tradisi lama. Untuk mencapai matlamat itu, kuasa kolonial British dianggap sebagai penjana kemajuan kerana memberikan kebebasan untuk menyatakan pendapat dan melaksanakan ajaran Islam yang murni di samping membawa budaya moden.

Pada bahagian yang lain, pandangan yang kontradik dengan budaya Barat juga dijelaskan secara panjang lebar melalui dialog watak tidak bernama yang secara tidak langsung mewakili suara golongan marginal bagi membalas wacana Barat yang dominan ketika itu:

“Pasal pakaian zaman ini bermacam-macam. Pantang ada duit saja, sudah mengubah dan mengikut aturan pakaian lain daripada bangsa kita. Tambahan pula jika sudah terpelajar dengan ilmu zaman sekarang. Tak tahu saya hendak bilang. Muka pun tidak berlindung lagi. Pakaian pun diubah pula kepada aturan Shanghai. Harus sedikit hari lagi menurut meniru kain singkat lutut dan baju yang tiada berlengan, tiga suku dada tiada tertutup hampir-hampir terjulur menara mutiara. Tambahan sekarang pula, sudah ada ulama yang meluluskan seperti itu dan membantah berkelumbang. Bertambah megahlah orang yang berkemajuan dengan pakaian zaman ini” (Ahmad Rashid Talu, 1975: 35–36).

Penjelasan yang kontradik ini diperdengarkan tanpa sebarang ulasan oleh protagonis yang mendengarnya, Abu Bakar. Sebaliknya, dia hanya tersenyum sambil melihat perempuan yang menjadi objek perbualan watak-watak tersebut. Perempuan itu, Salmah, dideskripsikan memakai fesyen Bandung dan berbahasa Inggeris semasa berbual dengan penjual bunga. Kecenderungan Salmah kepada gaya Inggeris diperkukuh oleh keselesaan bercakap dalam bahasa Inggeris ketika menasihati pemandu-pemandu “yang tiada menjaga marwah diri” dan ketika bercakap dengan baba-baba Cina (Ahmad Rashid Talu, 1975: 35–36).

Sementara itu, Muhamad Yusuf Ahmad melalui novel bersirinya, *Mencari Isteri*, memaparkan nilai Barat yang menjadi pegangan manusia terpelajar di kota sebagai penanda aras kemajuan. Karya ini menyambung rangkaian penyebaran *idea* pembaharuan yang dibawa oleh novel *Faridah Hanom* dan *Iakah Salmah?* kerana pengarangnya juga terdedah kepada *idea* tersebut melalui pendidikan dan hubungan peribadinya sebagai adik Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba), seorang pendukung *idea* Kaum Muda. Muhammad Yusuf yang mendapat pendidikan di Malay College, Kuala Kangsar (MCKK), telah terdedah kepada pendidikan Inggeris yang dogmatik kerana penubuhan MCKK memang bertujuan menghasilkan manusia yang patuh kepada nilai Inggeris dan menjadi pewaris legasi kolonial.

Dalam novel *Mencari Isteri*, watak Mahmud dan Adnan merupakan lulusan MCKK dan bekerja sebagai pegawai kerajaan dalam zaman pemerintahan British. Kedua-dua watak ini menduduki hierarki yang sama, iaitu wira unggul yang memiliki keistimewaan berdasarkan perspektif Barat. Mereka mewakili kelas Melayu elit yang “kasih akan kaum dan bangsanya” (Muhamad Yusuf Ahmad, 1975: 9), serta memperjuangkan kemajuan untuk bangsa Melayu berdasarkan kayu ukur Barat. Mahmud ditampilkan sebagai manusia hibrid yang menggabungkan budaya Inggeris dalam kehidupannya sebagai elit Melayu di kota Kuala Lumpur. Perhiasan rumahnya, gaya hidupnya, dan cara berfikirnya cenderung kepada citra hibriditi. Demikian juga sifat sahabatnya, Adnan, yang menampilkan imej manusia hibrid dalam gaya hidup serta menggunakan kayu ukur Barat dalam membuat pertimbangan dan penilaian. Adnan sealiran dengan Mahmud dan berada dalam kelompok watak *comprador* akibat daripada pendidikan yang diterima daripada MCKK yang digelar sebagai “Eton of Malaya”.

Kehidupan di kota membebaskan mereka menganut nilai Barat kerana tidak lagi dikawal oleh lingkungan masyarakat tradisional yang pada zaman itu bersikap skeptikal terhadap nilai Barat. Keraguan dan prasangka masyarakat Melayu di kampung berpuncak daripada kebimbangan mereka terhadap usaha kristianisasi dan nilai hedonisme yang dibawa oleh Inggeris. Tetapi bagi Mahmud dan Adnan yang sudah mengikuti pendidikan Inggeris dan hidup ditengah kota kosmopolitan, nilai Barat telah dipandang sebagai positif.

Namun begitu, dalam masalah memilih calon isteri (tema novel ini), kedua-dua mereka berada dalam *ambivalence*, sama ada hendak menggunakan kayu ukur Melayu tradisi atau kayu ukur Barat. Bagi Mahmud, calon isterinya mesti berpelajaran, pandai mengurus rumah tangga, beradab kepada suami dan keluarga, tetapi pada pendapatnya kebanyakan perempuan Melayu di bandar tidak memenuhi ciri itu manakala perempuan di kampung pula “terlampaulah ia bodoh: tiada tahu adab percampuran pekan” (Muhamad Yusuf, 1975: 26). Adnan pula berhadapan dengan dilema sama ada hendak menerima perkahwinan yang dirancang oleh bapanya dengan sepupunya atau wanita yang dikenalnya semasa dalam perjalanan ke Tanah Jawa. Sepupunya itu, Siti Kamariah, tidak pernah bersekolah dan memiliki sifat tipikal Melayu tradisional yang tipikal: berwajah Melayu, berfikiran sempit, berpengetahuan rendah, memegang kepercayaan lama, serta bertaklid buta. Kekurangan Kamariah ini disebabkan dia tidak memperoleh pendidikan Barat.

Dengan menggunakan perspektif Barat atau kriteria masyarakat kota, Adnan tidak lagi dapat membuat penilaian yang saksama dan gagal mencari kebaikan dalam masyarakat Melayu tradisi di kampung. Penerimaan dan peniruan budaya Barat yang diproyeksikan oleh Muhamad Yusuf memperlihatkan sikap *snobbish* pegawai Malay Civil Service yang bertugas dalam sistem pentadbiran British di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua. Mereka inilah manusia mimikri yang diimpikan oleh pemerintah kolonial, sebagaimana yang dinyatakan oleh Macaulay dalam *Minute on Indian Education* pada tahun 1835 untuk melahirkan, “a class of persons, Indian in blood and

*colour, but English in taste, in opinions, in morals, in intellect*” (Childs dan Williams, 1997: 130).

Perspektif Muhamad Yusuf dalam wacana oksidentalismenya dipengaruhi oleh persekitaran yang terbentuk oleh campuran budaya Barat dan Melayu Islam, situasi politik, pendidikan, dan pekerjaannya yang dinaungi oleh Inggeris, serta tasawur Islam yang menjadi pegangannya. Lantaran itu, walaupun corak pemikirannya tentang orang Melayu menyerupai pemikiran Orientalisme dan boleh dilabelkan sebagai Orientalis Timur, matlamatnya bukan untuk mendominasi bangsanya sendiri. Watak Mahmud, misalnya, tidak mengambil keseluruhan nilai Barat yang bertonggalkan agama Kristian sebaliknya mengekalkan kepercayaan agama Islamnya (Muhamad Yusuf Ahmad, 1975: 2–15). Matlamatnya adalah untuk mengubah paradigma masyarakat Melayu supaya memajukan diri dengan cara membuang kebiasaan kolot dan menyesuaikan cara hidup dengan budaya Barat di kota. Oleh itu, imej kota telah dimurnikan berbanding dengan imej kampung yang dianggap kolot.

Dalam dekad 30-an, pengarang Melayu hanya menumpukan perhatian kepada permasalahan dalaman, khususnya yang menyentuh aspek ekonomi dan sosial. Kebudayaan Barat yang bersifat hedonistik dan merosakkan masyarakat di kota menjadi isu yang dibimbangi oleh para pemikir sosial. Kota sebagai pusat berkembangnya budaya Barat dipandang sebagai negatif kerana di situlah menularnya kegiatan pelacuran dan pelbagai penyakit seperti yang dikatakan oleh Mohd Taib Osman (1986: 73):

*One cannot help but notice that the novels of this period always implied that living in town was full of temptations from prostitutes and other social evils. Undoubtly there was a deep-seated mistrust of town life, a phenomenon which arose in the wake of increasing British influence in the affairs of the Malay States. ...The fear of urban life rather than the changing values that urbanization brought to native life seemed to be paramount.*

Keruntuhan moral dan kerosakan sosial di kota dikaitkan dengan dasar British yang hanya memberikan perhatian kepada kemajuan ekonomi dan mengabaikan aspek sosial. Pelacuran, kongsi gelap, dan segala bentuk maksiat yang berpusat di kota semakin menjadi-jadi. Orang Melayu yang kebanyakannya tidak berpelajaran atau hanya mendapat pendidikan di sekolah Melayu, menduduki strata sosial yang rendah dan tidak mampu mendepani cabaran kehidupan moden di kota. Pergolakan dalam masyarakat, seperti gejala pergaulan bebas antara lelaki dengan wanita, membibitkan keruntuhan institusi kekeluargaan. Dekad 30-an merupakan era keresahan orang Melayu terhadap kelemahan ekonomi dan kerosakan moral akibat daripada perkembangan kota yang didominasi oleh kapitalis bangsa asing. Ungku Maimunah Mohd. Tahir (1998: 40) menyatakan, “*The writers’ rural perspective gave rise to a myopic view of the city which they perceived as a negation of both Malay culture and religion.*”

Antara novel yang menggambarkan kesan buruk budaya Barat dalam kehidupan masyarakat ialah *Iblis Rumahtangga* (Abdullah Sidek, 1939), *Duri Perkahwinan* (Abdullah Sidek, 1937), *Salah Pedoman* (Suhaimi Ismail, 1939), *Melarat Isteri kerana Suami* (Othman al-Maasuli, 1937), dan *Apa Sebab Aku Kahwin dengan Orang Keling atau Singapura di Malam Hari* (Raja Mansur, 1936).

Sebagai contoh, novel *Iblis Rumahtangga* memperlihatkan kesan buruk yang melanda sebuah keluarga di kota apabila seorang suami memberikan kebenaran kepada lelaki lain untuk melayan isterinya disebabkan dia sendiri ketiadaan waktu untuk berbuat demikian. Kepercayaan secara melulu terhadap lelaki lain untuk menemani isteri menyamai budaya Barat yang tidak membataskan pergaulan antara lelaki dengan perempuan, walaupun mereka sudah berumah tangga. Amalan membebaskan pergaulan antara isteri dengan lelaki bukan muhrim berlaku di kota lantaran sikap keterbukaan

masyarakat dan kesibukan dengan kerja, sehingga membataskan waktu suami untuk melayan isteri. Pengarang melihat gejala ini sebagai kesan buruk budaya hidup di kota lalu memberikan saranan didaktik pada akhir cerita.

Novel *Salah Pedoman* pula menjadikan nilai Barat itu sebagai puncak kerosakan rumah tangga Rahmah dengan Abdul Rahman. Abdul Rahman yang sangat terpengaruh dengan budaya Barat telah menyuruh isterinya mengikuti nilai Barat dari segi berpakaian dan menghias diri, sementara dia sendiri mengamalkan hidup bebas sehingga berkahwin dengan seorang penari kabaret berbangsa Serani yang bernama Alice. Akhirnya, rumah tangga Abdul Rahman dan Rahmah runtuh. Pengakhiran ini mencerminkan paradigma yang dikemukakan oleh pengarang bahawa budaya Barat yang bebas dari segi pergaulan tidak sesuai untuk amalan masyarakat Timur (*Sejarah Kesusasteraan Melayu*, 1981: 125–142).

Shamsuddin Salleh yang menulis novel penyiasatan turut menyelitkan imej manusia kota serta kuasa penjajah Belanda dan agama Kristian sebagai imej antagonisnya tetapi berplotkan kisah cinta. Dalam kisah percintaan itu, beliau menyelitkan watak-watak Barat atau yang menerima pengaruh Barat sebagai puncak konflik luarannya, seperti dalam novel *Hidup yang Derhaka* atau *Rahsia yang Sangat Rahsia* (1936), *Kasih Berbalas* (1936), *Siasat yang Dahshat* (1936), *Pertandingan Sokma* (1937), *Korban Poligami* (1937), *Pemimpin Sulit* (1937), *Tiga Bulan dalam Penjara* (1939).

Novel-novel lain yang mewacanakan nilai Barat dan imej kota ialah *Ribut Taufan dari Barat* atau *Pengaruh Modan* (Ya'akub bin Abdul Manaf, 1936) dan *Melati Sarawak* (Muhammad Rakawi Yusuf, 1932). Kebanyakan novel yang mewacanakan imej kota menyisipkan peringatan tentang keburukan nilai Barat. Kemodernan dipandang sebagai gejala yang membahayakan kehidupan wanita Timur, manakala penyebaran agama Kristian menjadi isu masyarakat yang sangat dibimbangi. Ini seolah-olah sebagai suatu bentuk reaksi terhadap kebebasan yang diamalkan oleh orang yang berpendidikan sekolah Inggeris pada zaman itu.

Demikianlah kisah yang dinaratifkan oleh Ya'akub Abdul Manaf, guru yang berasal dari Melaka, lulusan SITC (1933) dalam novel *Ribut Taufan dari Barat* atau *Pengaruh Modan* [Moden] (1936). Novel ini mengisahkan percintaan antara gadis Serani dengan pemuda Melayu dari sebuah sekolah Inggeris. Pemuda Melayu itu sangat mengagumi nilai Barat sehingga menukar namanya daripada Bahrain bin Haji Mansor kepada H.M. Rhein, menukar agama kepada Kristian, dan berkahwin dengan gadis tersebut. Jelas, bahawa mesej yang ditonjolkan ialah bahaya pengaruh Barat atau Kristian perlu dijauhi oleh pemuda Melayu Islam.

Sebuah lagi karya penting yang mewacanakan Barat dan kota dalam dekad 30-an, ialah novel *Putera Gunung Tahan* (Ishak Haji Muhammad, 1937). Walaupun mendapat pendidikan di MCKK dan pernah menjadi pegawai kerajaan (British), persepsinya terhadap British bersifat antikolonial. Hidup dalam zaman pemerintahan British amat janggal bagi pemuda yang berasal dari kampung dan begitu dekat dengan masyarakat bawahan ini. Beliau tidak dapat menerima perubahan yang dipaksakan pada dirinya oleh pegawai kolonial supaya menjadi *comprador* atau seumpama British Raj di India. Semangat nasionalisme politiknya diterjemahkan dengan penglibatan aktif dalam Kesatuan Melayu Muda (KMM), sebuah parti bersayap kiri dan dicurigai oleh British.

Gambaran kerakusan Inggeris hendak mengaut kekayaan Tanah Melayu dijadikan persoalan utama novel *Putera Gunung Tahan* melalui dua watak Inggeris, William dan Robert, yang datang ke Kuala Tembeling, Pahang untuk mengaut kekayaan Tanah Melayu. Ishak mendedahkan sifat buruk mereka: rakus, penuh muslihat, dan rosak moral. Persepsi Ishak terhadap kolonial Barat dan kota dimanifestasikan melalui sifat Robert. Pembohongan Robert (bahawa dia yang menembak harimau putih) telah



dibandingkan dengan sifat peribumi di hutan melalui hujah watak perempuan tua di belantara:

...Tetapi mengikut adat kita orang di hutan ini bercakap bohong itu suatu perbuatan yang amat keji. Agaknya itulah bezanya di antara kita orang-orang hutan dengan orang-orang bandar dan daripada itu mengetahuilah saya bahwa orang-orang hutan itu terlebih mulia daripada orang-orang bandar yang dikatakan berkemajuan (Ishak Haji Muhammad, 1973: 27).

Dikotomi orang hutan dengan orang bandar merupakan persepsi yang bersifat wacana balas.<sup>5</sup> Bandar yang mewakili kuasa pusat serta telah menerima pengaruh budaya Barat dipertentangkan dengan penduduk hutan sebagai golongan *subaltern* bagi tujuan membalas wacana kolonial. Wacana kolonial menganggap peribumi di kawasan jajahan sebagai masyarakat mundur dan perlu ditamadunkan seperti kata Edward Said (2008:89), "...bahawa dalam novel dunia di luar tidak pernah dilihat, kecuali sebagai dikebawahkan dan dikuasai, manakala kehadiran Inggeris dipandang sebagai mengawal dan menentukan norma." Kini, pandangan Orientalisme itu dijawab dengan tekstual.

Oksidentalisme dalam novel ini berpaksikan strategi kembali kepada sejarah gemilang bangsa sendiri. Kehidupan masyarakat orang asli dan orang bunian di rimba Pahang mencerminkan paradigma Ishak Haji Muhammad bahawa kehidupan yang asal lebih murni dan kuat, serta dapat mematahkan kolonialisme dan pembaratan yang berleluasa di kota.

## SIMPULAN

Imej kota dalam teks sastera oksidentalisme Melayu memperlihatkan kepelbagaian persepsi. Dalam dekad 20-an, ketika masyarakat Melayu berhadapan dengan krisis tentang konsep kemajuan yang dibawa oleh golongan Kaum Muda, kota yang menghimpunkan nilai modeniti Barat telah ditanggapi secara positif di samping wujudnya pandangan yang bercorak kritis. Pandangan kritis itu lahir daripada sikap ambivalen pengarang apabila menilai unsur modeniti itu di bawah pengaruh hegemoni budaya Barat dan dalam masa yang sama memegang tasawur Islam. Pertembungan antara *idea* kebaratan dengan nilai Islam, telah melahirkan corak kehidupan mimikri dan hibrid. Dalam karya dekad 30-an, kerancuan masalah yang diakibatkan oleh keruntuhan moral dalam masyarakat telah menimbulkan tanggapan yang negatif terhadap kota. Kota sebagai pusat berhimpunnya nilai Barat dan segala kejahatan dipersepsikan sebagai punca kerosakan masyarakat dan oleh itu perlu diawasi. Ketidakseimbangan ekonomi antara peribumi dengan pendatang asing yang menguasai kota, telah menimbulkan penentangan dalam kalangan pengarang Melayu. Kerakusan manusia kota terus didialogkan dalam karya bernuansa politik antikolonial pada penghujung dekad 30-an. Ringkasnya, pencitraan kota dalam karya sastera berkait rapat dengan sikap pengarang, milieu sosial, ekonomi dan politik semasa.

## DAFTAR PUSTAKA

- A. M. M. 2009. "Mengenali Oksidentalisme Melayu". Berita Minggu, 21 Jun.  
Ali Ahmad. 1975. "Kata Pengantar". Mencari Isteri, Muhamad Yusuf Ahmad. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.  
Ashcroft, B., Gareth Griffiths, dan Helen Tiffin. 1989. *The Empire Writes Back: Theory and Practice in Post-Colonial Literatures*. Routledge, New York.

---

<sup>5</sup>Istilah wacana balas atau *counter discourse* ditimbulkan oleh Richard Terdiman yang menerangkan teori dan praktis penentangan secara simbolik. Dalam kajian pascakolonial, wacana balas dimaksudkan sebagai penentangan yang dilakukan oleh peribumi terhadap bekas penjajahnya melalui teks sastera (Ashcroft, Griffiths, dan Tiffin, 2000:56-57).

- . 2000. *Post-Colonial Studies: The Key Concepts*. Routledge, London and New York.
- Avelling, H. 1992. “Non-English Post-Colonial Fiction?: The Malaysian Case”. *Kertas kerja Triennial Conference of the South Pacific Association for Commonwealth Literature and Language Studies*, Fremantle, 9–11 Disember.
- Awang, A. A. P. 2008. “Muhammad Haji Salleh Sebagai Pengarang Pascakolonial: Analisis Teks dan Konteks”. Tesis Ph.D., Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Bashkow, I. R. 1999. “‘Whitemen’ in the Moral World of Orokaiva of Papua New Guinea”. Tesis Ph.D., The University of Chicago, Chicago.
- Buruma, I. dan Avishai Margalit. 2004. *Occidentalism: The West in The Eyes of Its Enemies*. The Penguin Press, New York.
- Carrier, J. G. (ed.), 1995. *Occidentalism: Images of the West*. Clarendon Press, Oxford.
- Chen, X. 2002. *Occidentalism: A Theory of Counter-Discourse in Post-Mao China*. Second edition. Rowman & Littlefield Publishers, Inc., New York.
- Childs, P. dan R. J. Patrick Williams, 1997. *An Introduction to Post-Colonial Theory*. Prentice Hall, London.
- Conceison, C. A., 2000. “Significant Other: Representations of The American in Contemporary Chinese Spoken Drama”. Tesis Ph.D. New York, Cornell University.
- Dalton, J. B. 1972. “The Development of Malayan External Policy, 1957–1963”. Tesis Ph.D. Oxford University, Oxford.
- de Vinck, J. J. 1989. “Occidentalism: The Classic and the Values of Culture”. Tesis Ph.D., State University of New York, Binghamton.
- Eberle-Sinatra, W. J. 2000. “East and West in Dialogue: Poetic Language Innovation in the May Fourth and Modernist Movements (Ezra Pound, Hu Shi, Lu Xun, China, T.S. Eliot)”. Tesis Ph.D., University of Toronto, Canada.
- Fanon, F. 1965. *A Dying Colonialism*. Grove Press Inc, New York.
- . 1966. *The Wretched of the Earth*. terjemahan Constance Farrington. Grove Press, New York.
- . 1968. *Black Skin White Mask*, terjemahan Charles Lam Markman. Pluto Press, London.
- Hafiz, Arif. 1990. “Australia dalam Sastera Nusantara”. *Dewan Sastera*, 7.
- Hamzah, Hamdani, 2003. “Ahmad Rashid Talu: Sumbangannya dalam Bidang Kesusasteraan Melayu Moden”. *Ahmad Rashid Talu: Sasterawan Mendahului Zaman*, Sohaimi Abdul Aziz (ed.). Penerbit Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Hanafi, H. 2000. *Oksidentalisme: Sikap kita Terhadap Tradisi Barat*. Paramadina, Jakarta.
- Harris, M. R. 1998. “Fantasy America: The United States as Seen Through French and Italian Eyes”. Tesis Ph.D., The University of British Columbia, Vancouver.
- Ismail, H. 2003. “Pemikiran Kaum Muda di Dalam Novel-Novel Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua”. Disertasi Ph.D., Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Jackson, P. T. 2001. “Occidentalism: Rhetoric, Process, and Postwar German Reconstruction”. Tesis Ph.D., The University of British Columbia, Vancouver.
- Jong Chian Lai, 1994. *Pemberontakan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamaruddin M. Said, 2001. “Orientalisme, Pascakolonialisme dan Kepengarangan Melayu”. *Pemikir*.
- Kamaruddin Mohd. Said. 2005. “Pemikiran Pascakolonial Peribumi dan Kepengarangan Sastera Melayu”. *Pascakolonialisme dalam Pemikiran Melayu*, Mohamad Daud Mohamad dan Zabidah Yahya (ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Kamaruddin Mohd. Said. 2009. "Tanah Leluhur dan Keantarabangsaan dalam Kepengarangan Arena Wati". Kertas kerja Seminar Pemikiran Sasterawan Negara Arena Wati, di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 9–10 Jun.
- Lily Rose Tope. 1996. "Nationalism and the Postcolonial Text in English in Singapore, Malaysia and The Philippines". Disertasi M.A., National University of Singapore, Singapura.
- Masitah, D. 2005. "Ideologi Orientalisme dalam Teks Oksidental Silver Sister karya Lillian Ng dan Love and Vertigo karya Hsu-Ming Teo". Tesis Magister Humaniora, Program Pascasarjana Program Studi Ilmu Susastra, Fakultas Ilmu Pengetahuan Budaya, Universitas Indonesia, Jakarta.
- Merriam-Webster Online Dictionary, <http://www.m-w.com/cgi-bin/dictionary>, diakses pada 4 Julai 2009.
- Mohamad Saleeh Rahamad. 2005a. "Mewanitakan Barat: Oksidentalisme Gaya Arena Wati". Prosiding Teori dan Kritikan Sastera Melayu Serantau, Hajijah Jais dan Muhamad Ikhrum Fadhly Hussin (eds.). Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- . 2007. "Oksidentalisme dalam Persuratan: Juzuk Penting dalam Kajian Pascakolonial". Pemikir.
- Mohd. Taib Osman. 1986. *An Introduction to the Development of Modern Malay Language and Literature*. Times Books International, Singapura.
- Monique Zaini-Lajoubert, 1993. "Dunia Bukan Melayu dalam Beberapa Novel Malaysia Mutakhir" dlm. Ainon Abu Bakar (ed.). *Telaah Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 117–135.
- Monique Zaini-Lajoubert, 2004. "The World Outside (mainly the Occident) in Malaysian Literary Works Published from The 1990s". Kertas kerja The Fourth EUROSEAS Confenrece. 1–4 September.
- Muhammad, I. H. 1973. *Putera Gunung Tahan*. Pustaka Budaya Agency, Petaling Jaya.
- Muhamad Daud Muhamad. 1991. "Potret Manusia Asia, Amerika dan Eropah dalam Pengembaraan Arena Wati". *Dewan Sastera*, 4: 46–50.
- Muhamad Hanafi Ibrahim. 2004. "Mencari Isteri dalam Perkembangan Novel Melayu Sebelum Perang". *Kesusasteraan Melayu Moden (1920–1940)*, Hamzah Hamdani dan Siti Aisah Murad (ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Muhamad Yusuf Ahmad. *Mencari Isteri*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Muhammad Haji Salleh, 2003. "Berpikir Bersama Perubahan: Beberapa Pandangan Ahmad Rashid Talu". Ahmad Rashid Talu: *Sasterawan Mendahului Zaman*, Sohaimi Abdul Aziz (ed.). Penerbit Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Muhammad Yusuf Ahmad. 1975. *Mencari Isteri*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. (Diterbitkan semula daripada *Majalah Guru* 1928–1929)
- Najde al-Ali. 2000. "Occidentalism", <http://www.ibnukhaldun.org/newsletter/2000/april/essay.html>, diakses pada 7 Mei 2006.
- Nyoman Kutha Ratna, 2005. *Sastra dan Cultural Studies: Representasi Fiksi dan Fakta*. Pustaka Pelajar, Yogyakarta.
- Rahimah A. Hamid. 2004. "Fiksyen Pascakolonial: Kajian Bandingan Terhadap Karya Keris Mas dengan Mochtar Lubis". Tesis Ph.D., Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Roff, William R. 2003. *Nasionalisme Melayu*, terjemahan Ahmad Boestamam. Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Sadarangani, Umeeta. 1997. "Occidentalism: Indian Writers Construct the West". Tesis Ph.D., The Pennsylvania State University, Pennsylvania.
- Sadik Jalal al-Azm. 1980. "Orientalism and Orientalism in Reverse". *Khamsin*, no. 8.
- Safian Hussain, Mohd. Thani Ahmad, dan Johan Jaafar (eds.). 1981. *Sejarah Kesusasteraan Melayu*, Jilid I. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Mohamad Saleeh bin Rahamad

- Said, Edward W., 1995. *Kebudayaan dan Kekuasaan* (Terjemahan). Bandung: Penerbit Mizan.
- 1978. *Orientalism*. Penguin Books Ltd., Hammondsworth.
- Salasiah Abd. Wahab, 2007. “Oksidentalisme dalam Pemikiran Ngah Ibrahim”. *Pemikir*.
- Sardar, Z. 2002. *Orientalism*. Viva Books Private Limited, New Delhi.
- Sejarah Kesusasteraan Melayu, Jilid I dan II, 2006. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Sejarah Kesusasteraan Melayu, Jilid II, 1990. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Shaharom TM Sulaiman. 2002. “Oksidentalisme vs Orientalisme: Mencari Alternatif Wadah Sastera”. *Pemikir*.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2004. “Oksidentalisme: Pengertian dan Hala Tuju”. *Pemikir*.
- Siti Rodziah Nyan. 2009. *Akhbar Saudara: Pencetus Kesedaran Masyarakat Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Skinner, C. (ed.). 1982. *Ahmad Rijaluddin’s Hikayat Perintah Negeri Bengkulu*. The Hague: Martinus Nijhoff.
- Skinner, C. 1976. “The Author of the ‘Hikayat Perintah Negeri Bengkulu’”. *BKI*132(11/11):195–206.
- Sou’yb, J. 1995. *Orientalisme dan Islam*. Bulan Bintang, Jakarta.
- Syed Hussein Alatas. 2007. *Mitos Peribumi Malas*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Tiffin, H., Chris dan Alan Lawson (ed.). 1994. *De-scribing Empire: Post-Colonialism and Textuality*. Routledge, London.
- Tiffin, H. 1989. “Post-colonial Literatures and Counter Discourse”. *Critical Approaches to the New Literatures in English*, D. Riemenschneier (ed.). Essen: Verlag die Balue Eule.
- Ungku Maimunah Mohd.Tahir. 1998. *Antara Kampung dan Kota: Rural Bias in the Novels of Shahnun Ahmad*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir. 2005. “Penolakan Wacana Kolonial dan Pencerobohan dalam Pulanglah Perantau”. *Pascakolonialisme dalam Pemikiran Melayu*, Mohamad Daud Mohamad dan Zabidah Yahya (peny.). Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Wixted, T. 1989. “Reverse Orientalism”. *Sino-Japanese Studies*, 12:2:1.
- Yahya, Z. 1994. *Resisting Colonialist Discourse*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.